free port zone well set up. Sir, with this statement and the invitation of the Honourable Minister of Finance to Penang Island to give up their free port status, I have to say that we in Penang Island welcome the invitation of the Honourable Minister of Finance but we would like him to understand that it must be a sincere and a kind invitation with all the programmes and plannings placed before us—we would not like the invitation to be one similar to that of the spider to the fly—"Come to my parlour", says the spider to the fly." Sir, to invite us you must first understand our problems. It is not just an invitation which we know, and there is some fear because we know that although Penang enjoys a free port status all applications for imports must be submitted to the Ministry of Commerce; thereby that is the beginning

Mr Speaker: Order, order. I thought we came to a gentlemen's agreement just now that the Honourable Member should confine his speech to not more than 15 minutes.

Enche' Geh Chong Keat: Since I have been made to speak about the free port status I have got to answer. I hope you will allow me the privilege, Sir.

Mr Speaker: But you have already spoken for 15 minutes.

Enche' Geh Chong Keat: Well, Sir, I will try to cut short my speech though the subject may be very important.

Sir, it would be wrong to compare Penang Island with Singapore. The Singapore Government had been planning many years back. They had planned to industrialise because of the enormous amount of unemployment and also because they had to cope with the ever exploding population problem. After industrialisation, of which they completed one section of their programme, they started to look for a common market. But, have we had such a programme for the Island of Penang? I am sorry to say that we do not have. In the State of Penang, very unfortunately, we are separated by a

channel, and though the channel may only be a mile but it makes a lot of difference between the Island and that portion of the Mainland i.e. Province Wellesley.

Sir, we have been made to understand, at one critical period, that we have got to decide either to industrialise that is Penang Island should industrialise, because of its good harbour, or to give up the industrialisation plan to Butterworth on the Mainland and concentrate on tourism and thereby retain the free port status of Penang Island. But, very unfortunately, all these programmes or plannings have gone haywire.

Sir, we would welcome the Honourable Minister of Finance to let us know whether he agrees to set aside a certain amount of money to help Penang to industrialise. Then, after the industrialisation, we will come in to join the common market.

Sir, to say that Penang has no place or no proper site for industrialisation would be wrong, because we know there are many acres of land that had been reclaimed and also that there is plenty of land from Jelutong right up to Glugor and also the land adjoining the newly-opened road between Ayer Itam and Relau. All these areas of land could be utilised for industrialisation. Sir, above all, I must say this: the businessmen, because of the pressure and the stronghold put upon them, have had no choice: it is Hobson's choice to them to join the common market. Among the residents of the Island of Penang there is fear and anxiety because of the extra cost of living. Though we in Penang may like to claim the privilege that Penang Island is a free port, as it had been handed down to us, we would like to say that we are prepared to join the common market on condition that you provide us with industrialisation, so that the people of Penang Island can get more jobs and employment and can raise their standard of living and income, so that the aggregate amount of incomes of their families may offset the extra burden that they have to carry when

they join the common market, or give up their free port status. Sir, that is the feeling of the people there, and it is not that they would like to go against the Central Government, or would like to claim this extra privilege—it is just a way of life to them. However, I hope the Honourable Minister of Finance can convince the people, and can convince them not only in words but by planning, positive planning, so that they will be prepared to give up the free port status of Penang Island. Perhaps, the Honourable Minister of Finance can initiate a body to study the economic planning of the Island of Penang and the possibility of industrialisation to that part of the State of Penang. Thank you, Sir.

Enche' Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa sukachita dalam membahathkan Anggaran Belanjawan kita dalam tahun 1965 yang ada di-hadapan kita pada hari ini. Memang, Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan yang ada di-hadapan kita pada hari ini, bagitu-lah dia kesanggupan keadaan politik yang dapat kita permainkan pada tahun 1965 yang akan datang ini; walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menentukan, apa-kah di-dalam tahun 1965 yang akan kita hadapi ini tentang peristiwa² politik yang akan berlaku, sama ada di-dalam negeri kita sendiri, atau pun dari luar negeri. Sebab deficit yang bertambah lebeh banyak pada tahun 1965 ini tidak hanya sakadar confrontasi dari Indonesia samata². Saya perchaya itu ada-lah akibat daripada Pembangunan kita yang harus kita teruskan lagi untuk mencapai satu taraf negara yang benar² dapat hidup sa-bagai taraf-nya di-negara yang telah merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab keperchayaan kita pada diri kita sendiri, dengan semangat yang tidak pernah hapus² dalam diri kita, bahawa chara negara kita mesti hidup dan kita mesti hidup dengan sebab semangat keperchayaan itu-lah saya rasa walau pun deficit-nya bertambah pada tahun ini, keperchayaan negara luar pada negara

kita tetap, dan orang lain ada-lah memperchayai Tanah Melayu dan Malaysia pada masa hadapan ada-lah sangat² mempunyai chahaya yang baik. Tuan Yang di-Pertua, walau pun demikian, sa-telah kita melihat bagaimana semangat² yang telah di-tunjokkan di-dalam Dewan ini, kita mahu sa-buah negara Malaysia yang aman dan ma'amor; kita mahu semua ra'ayat Malaysia menjadi ra'ayat yang hanya satu, berpadu dalam semua hal, tetapi kalau-lah maseh perkara itu ada hanya dalam tujuan tidak dapat di-laksanakan dengan baik, mungkin perkara itu akan menjadi harapan yang akan hanchor tidak berapa lama lagi.

Kalau kita tidak membentok satu system pelajaran yang dapat memberikan sama rata kepada semua pehak, kalau tidak dapat kita membentok sa-berapa lekas jurang antara yang ada dengan yang tidak ada supaya lebeh sempit dan lebeh dekat lagi, kalau tidak kita mengator chara² lain lagi yang ada dalam negara kita supaya dapat meharmonisekan semua bangsa dalam negeri ini, kita akan mengalamai sa-bagai negara yang dinamakan Cyprus itu. Ini-lah satu semangat yang rasa saya walau pun kami daripada party Islam sa-Tanah Melayu berlainan dengan party pehak Kerajaan tetapi semangat kami, kami mahu melihat Tanah Melayu atau pun Malaysia aman ma'amor, hidup ra'ayat-nya dengan sejahtera. Tetapi kami berharap-lah di-dalam pelaksanaan kita ini dan chara kita untuk mencapai tujuan kita itu benar² pehak Kerajaan berkorban, sanggup hanya untuk mendirikan negara baharu untuk negara Malaysia dan tidak payah lagi timbul semangat² yang ada satu pehak kepada satu pehak yang lain mahu dengan chara berfikir-nya sendiri. Kalau itu-lah chara-nya maka harapan daripada semua orang yang mahu kepada berlainan itu sendiri akan hanchor pada satu hari dan kita akan mengalamai sa-buah negara Cyprus yang kedua. Sakian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapakan dan saya berdo'a moga² semenjak daripada hari ini sampai masa hadapan mesti-lah kita hidup sa-bagai orang yang berpolitik tetapi kita

benar dalam perjuangan kita dan kita benar dengan diri kita sendiri, sialanlah, terimah kaseh.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu rakan² saya telah banyak berchakap membidas party P.A.P. yang mana saya rasa ini sudah cukup memberikan kesedaran kepada party itu dan segala tembelangnya telah nampak dan nyata kepada ra'ayat negeri kita ini.

Sekarang saya suka hendak menegalehkan pandangan saya pula kepada Party Islam sa-Tanah Melayu dan saya sangat tertarek hati atas satu sikap yang telah di-terangkan oleh wakil daripada Bachok sa-malam ia itu berkehendakkan kita menyerang negara Indonesia. Saya sa-rupa tidak perchaya apa-kah perkataan ini benar² telah di-keluarkan oleh wakil itu kerana ini pada pandangan saya satu merbahaya yang sangat besar. Ini-lah sikap yang di-tunggu² oleh rijim Soekarno bagaimana yang di-katakan oleh rakan saya daripada Seberang sa-malam. Jadi sa-telah kita mengishtiharkan perang dan menyerang negeri mereka maka akan hilang-lah keperchayaan dunia kepada kita. Maka yang timbul Malaysia ini-lah yang bersalah. Segala perbuatan kita sa-lama ini untuk mempertahankan negara kita ini lenyap semua sa-kali. Jadi, jikalau bagini-lah, Tuan Yang di-Pertua, tidak sa-kali² saya menyangka bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu salah sa-orang ejen daripada Soekarno dan saya minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri perhati²-lah sadikit hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak berchakap terhadap sikap party PAS—Party Islam sa-Tanah Melayu terhadap berkenaan dengan menentang dasar konfrantasi dan juga penerimaan-nya kepada dasar Kerajaan Pusat berkenaan dengan ranchangan pembangunan luar bandar. Atas soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-orang merasa ragu² dan maseh belum dapat memberikan keyakinan sa-penoh-nya atau pun churiga atas sikap baharu oleh PAS itu kerana saya maseh ingat segala gerak laku beberapa orang

pemimpin party itu di-masa yang lalu khas-nya di-masa Dewan Parlimen kita yang pertama dahulu, ucapan dasar party-nya yang di-lafadzkan oleh ketua party-nya itu di-dalam Parlimen dahulu dari satu Sidang kepada satu Sidang Belanjawan, sa-telah saya meneliti segala ucapan² itu jika di-bandingkan dengan ucapan² ketua party itu hari ini, saya boleh-lah katakan perbezaan-nya boleh di-katakan antara bumi dengan langit.

Kalau dahulu ucapan ketua PAS itu dalam Parlimen boleh-lah di-katakan sangat chondong kepada kehendak² Soekarno umpama-nya tidak bersetuju dengan konsep Malaysia tetapi dia mahu Malaysia ini di-satukan menjadi Melayu Raya. Kemudian beliau juga tidak mahu tentera² asing di-negeri kita ini dan banyak perkara² lagi yang semua perkataan²-nya itu bagaimana perkataan² dan nada² yang di-lafadzkan oleh pemimpin Soekarno di-masa itu dan di-masa sekarang juga. Tetapi pada hari ini sa-telah pemimpin² PAS itu tidak dapat duduk lagi di-dalam Parlimen ini maka sikap itu segera telah di-tukar. Apa-kah party PAS ini menjalankan? Dasar mengikut dasar tuboh parti-nya atau pun mengikut kechenderongan sa-saorang pemimpin mereka itu, kerana sa-lama duduk dalam Parlimen ini semua sa-kali pemimpin ini dapati lain orang lain nafsu-nya, dasar party di-tolak ka-tepi, bagaimana yang kita dengar pada hari ini. Apa-kah agak-nya PAS sekarang sudah sedar segala sifat² angkoh pemimpin²-nya dahulu menyebabkan pengaruh-nya sudah merosot dan ra'ayat jelata Kelantan menderita dengan sebab² itu, kemudian daripada itu sa-telah mereka sedar maka ba' kata pepatah Melayu, "sesat di-hujung jalan kembali ka-pangkal jalan". Atau pun, Tuan Yang di-Pertua, sokongan tentangan kepada dasar konfrantasi itu pura² di-berikan kepada Kerajaan Pusat sebab mereka hendak melindungi tembelang dan telatah beberapa orang pemimpin mereka yang chenderong kepada negara tetangga yang menkonfrantasikan kita. Dengan tujuan supaya parti-nya tidak akan menerima nasib saperti anggota² Socialist Front

dan lain² lagi. Saya patut mengingatkan kepada Kerajaan Pusat kita, Tuan Yang di-Pertua, supaya berhati² di-dalam soal ini, kerana nampak-nya sa-telah mendengar kata² manis dari PAS, parti itu konon-nya sudah bertukar sikap maka dengan tidak ragu² lagi Kerajaan Pusat telah menyurahkan banyak peruntokan² kepada negeri Kelantan.

AN HONOURABLE MEMBER: (*rises*).

Enche' Aziz bin Ishak: Saya tidak benarkan, Tuan Yang di-Pertua, masa tidak ada. Saya penoh perchaya dan berharap wang yang di-keluarkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Kelantan itu bukan-lah bererti Kerajaan Pusat telah tertawan dengan pujok rayu dan kata² manis pemimpin PAS itu tetapi peruntokan itu di-churahkan ada-lah dengan hasrat yang jujur dan berseih untuk menolong ra'ayat Kelantan yang sa-lama ini tidak dapat merasai nikmat kemerdekaan yang mereka semua sama² memperjuangkan-nya. Kekechiwaan mereka itu hendak merasai nikmat yang dahulu-nya ada-lah benar² di-sebabkan sipat² keangkohan parti yang memerintah masa itu. Dan sekarang saya rasa mereka ra'ayat Kelantan tentu-lah telah sedar bagaimana kejujoran dan kebenaran Kerajaan Perikatan terhadap kepentingan ra'ayat jelata seluroh-nya. Dalam hal itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi menarek perhatian Kerajaan Pusat kita supaya berhati² di-dalam menimbangkan segala pemberian kerana saya takut bak kata pepatah Melayu "mulut di-suap pisang buntut di-kait onak".

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka mengalehkan pandangan saya sadikit kepada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh kerana sa-malam barangkali rakan saya daripada seberang sana, hari ini saya suka mengemukakan pendapat saya dari seberang sini pula berkenaan dengan berkehendakkan di-kaji sa-mula hak² istimewa orang² Melayu. Saya menyokong dengan sa-penoh-nya atas pendapat rakan² saya dari seberang sana, ia-itu dalam masa kita menghadapi anchaman² dari luar yang merunching ini dalam masa kita

hendak menchapai chita² menjadikan Malaysia ini aman dan ma'amor, maka soal ini jangan-lah di-ulang² atau pun di-ungkit² lagi. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mesti-lah sedar bahawa semua orang Melayu tidak ada negerinya yang lain daripada ini-lah bumi-nya yang kami pijak, dan ini-lah langit yang kami junjong, kami mahu hak² kami itu di-pelihara dengan sa-baik²-nya dan tetap tinggal dalam Perlembagaan negara kita ini, kerana ini-lah satu²-nya harapan kami bahawa bangsa Melayu dapat hidup bersama² atau pun dapat bersama² menikmati kebahagiaan hidup dalam tanah ayer-nya sendiri, yang berdaulat dan merdeka ini. Oleh yang demikian saya suka memberi amaran bagaimana amaran yang di-beri oleh rakan² saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, dan siapa juga, baik daripada kawan atau lawan yang berkehendakkan hak² istimewa orang Melayu yang ada sadikit dalam Perlembagaan itu lagi² di-usek dan di-tegor sa-lagi darah orang Melayu mengalir di-bumi Malaysia ini maka sa-lagi itu kami tidak akan membiarkan dan mendiamkan diri dan kami mengutok kehendak² ini dengan sa-kuat²-nya. Jika sa-kira-nya ada manusia² yang tidak senang atas hak² kami orang Melayu yang ada di-dalam Perlembagaan ini, maka dengan segala hormat-nya kami persilakan mereka itu keluar dan chari tempat dudok, diam di-negeri² yang sesuai dengan kehendak dan nafsu-nya itu. Saya berharap pehak Kerajaan tidak sa-kali² melayani akan desakan manusia yang sa-rupa ini, jika Kerajaan berkehendakkan Malaysia ini dapat kekal, ma'amor, aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak berchakap berkenaan dengan kenaikan chukai yang di-terangkan oleh Menteri Kewangan. Sa-malam saya telah membacha dalam surat khabar, *Utusan Melayu*, di-tulis dengan huruf besar, mengatakan ra'ayat gelisah dan mengeloh, amaran Menteri Kewangan tidak di-indahkan. Satu sahaja harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kaum pemodal dalam negeri kita ini sa-bagaimana juga harapan Menteri Kewangan dalam amaran-nya

beberapa hari yang lalu supaya mereka jangan sa-kali² mengambil kesempatan dengan kenaikan ini mereka dengan tidak memikirkan kepentingan negara mereka, terus naikkan harga barang², walau pun perkara itu tidak ada kena-mengena dengan kenaikan yang ada pada hari ini. Tegas-nya peluang ini mereka gunakan, ba' kata pepatah Melayu, menanggok di-ayer yang keroh. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menguatkan lagi sa-bagaimana pendapat ramai supaya di-adakan kawalan atas harga barang keperluan hari². Bagitu juga kawalan atas semua jenis barang², sewa-menyewa dan sa-bagai-nya, dan hukuman hendak-lah di-beri dengan sa-berat-nya jika di-dapati mereka itu melanggar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya hendak chakapkan dalam Dewan ini berkenaan dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan, bagaimana yang telah di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang mengatakan negeri-nya telah mengishtiharkan penggunaan sa-penoh-nya Bahasa Kebangsaan. Saya ada-lah memuji sikap itu (*Tepok*). Saya suka menyatakan ia-itu sa-bagaimana yang di-katakan oleh wakil itu, penggunaan Bahasa Kebangsaan yang di-jalankan itu ia-lah pada surat-menyurat, utus-mengutus, berchakap dan memulangkan surat² yang di-tulis di-dalam bahasa Inggeris. Maka hal ini juga telah di-buat oleh negeri² yang lain di-Tanah Melayu ini, khas-nya yang saya ketahui Kerajaan Negeri Johor sendiri, tetapi seliseh-nya antara Kerajaan Negeri Johor dengan PAS ini ia-lah hanya Kerajaan Negeri yang lain itu tidak mengishtiharkan sahaja bagaimana yang di-buat oleh Kerajaan PAS. Saya mengetahui sungguh pun PAS telah mengishtiharkan sikap-nya atas Bahasa Kebangsaan itu, tetapi atas penggunaan Bahasa Kebangsaan di-papan² tanda, di-kedai², dan jalan² dan lain²-nya, maseh belum berjalan lagi. Mengapa saya berani berkata demikian, kerana saya, tidak berapa minggu dahulu, pun pernah saya pergi ka-Kelantan.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Kebangsaan

itu, pada 3 haribulan ini baharu di-ishtiharkan.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Jadi saya harap kerana saya telah memuji sikap PAS ini, Kerajaan PAS di-Kelantan akan menjadi satu model kapada negeri² kita ini menunjukkan yang Kerajaan PAS di-negeri Kelantan itu betul² menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam negeri-nya baik surat-menyurat yang telah di-buat-nya atau papan² tanda, tanda² jalan di-tukarkan kapada Bahasa Kebangsaan. Ini akan menjadi satu model kapada negeri² yang lain.

Jadi sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

AN HONOURABLE MEMBER: (*rises*).

Mr Speaker: Saya tidak mengizinkan. Sekarang terbuka jawapan² daripada Menteri².

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: (*rises*).

Mr Speaker: Saya tidak dapat mengizinkan lagi. Sekarang terbuka kapada Menteri² untuk menjawab.

Dato' Dr Ismail: Mr Speaker, Sir, I have much pleasure in informing the House that my intervention in this debate will be a very short one. In fact, the answers to the observations made by Honourable Members on my Ministries are so obvious that they require no answer. However, politicians being what they are, I have to take this opportunity to reply, because otherwise I would be accused of being guilty by default.

The Honourable Member for Ipoh touched on the question of citizenship by registration—he referred to Mr Lim Lian Geok's case. He stated that our citizenship law does not provide security or protection, and he quoted Mr Lim Lian Geok's case as an instance. He said that this man was not charged, nor tried, in open court and that only an inquiry in camera was held. He went on further to say that citizenship laws in this country were not satisfactory, because the Minister of Home Affairs could, by a stroke of the pen, revoke a person's citizenship, that if Government had

evidence that a person was disloyal to the country, then by all means charge him in open court; and that there should be citizenship laws which provide security.

Now, Sir, our citizenship laws are based on the United Kingdom citizenship laws, wherein matters relating to acquisition and deprivation of citizenship are vested in the executive branch of the Government. It is not true to say that our citizenship laws are as flimsy as has been suggested by the Honourable Member for Ipoh. If they are, then I would not have been bothered by the numerous applications by people from outside and inside the country asking to be registered as "citizens by registration". Those applications alone testify to the value that is put on "citizenship by registration" by the people of this country.

Sir, the Minister acts on the evidence available before him after due inquiry has been made by a committee consisting of three members—I am speaking, of course, on the question of deprivation. There is sufficient safeguard for everyone, because the Chairman is always a senior judicial and legal officer, and the person involved in the inquiry is entitled to have legal representation. The fact that the inquiry is not open to the public does not necessarily mean that there is no justice. So, Sir, that I think will dispel the false impression that the Honourable Member for Ipoh is trying to create in that I, as Minister of Home Affairs, by the stroke of the pen can revoke the citizenship of a person, who had acquired it by registration.

The next observation was made by the Honourable Member for Temerloh. He expressed the hope that the Special Branch would continue to make greater efforts to trace the source of supply of illegal arms used by secret societies. Public confidence can be gained, he said, if we succeeded in smashing the secret society menace. Now, Sir, the Criminal Investigation Department is directly responsible for the investigation of secret society activities. The Special Branch assists where necessary. There is no information to suggest that

any organised source of supply of illegal arms exists for the use of secret society members. There were some isolated cases, which were few and far between, limited only to individual persons. Every effort has been and is being taken to trace and arrest these individuals and subsequently bring them to book. Where there was information of individuals having illegal fire-arms for purposes only known to themselves, the Police had not spared any effort to prevent these individuals from furthering their criminal activities. Secret society activities are fairly well contained by the Police. Since the inception of the Prevention of Crimes Ordinance, No. 13 of 1959, in this Semenanjung Tanah Melayu, some 1,237 secret society thugs had been registered, and many others had been restricted under the Restricted Residence Enactment (Cap. 39); and in Singapore approximately 1,271 secret society thugs are under Police supervision orders and 644 under detention. It cannot be over-emphasised that the Police is doing everything legally possible to contain secret society activities and to smash their activities which call for ever more public co-operation by giving evidence about these activities to the Police, without which the Police cannot effectively function.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor telah merayu ia-itu supaya baju hujan di-berikan kepada ahli² pasokan kawalan supaya kesihatan dia tidak terganggu, terutama sa-kali dalam musim hujan. Saya suka-lah memberitahu ia-itu baju hujan ini memang-lah satu daripada alatan yang di-beri—yang lain² termasuk-lah lampu suloh, tongkat, wisil dan lain² yang di-fikirkan mustahak di-perolehi oleh ahli² pasokan kawalan ini. Saya dukachita sedikit ia-itu oleh sebab terlambat memberi baju² hujan itu, wisil dan torch-light ini, tetapi tindakan telah diambil dan barang² ini akan di-beri dengan sa-berapa segera-nya pada tiap² Negeri.

Ahli Yang Berhormat tentu-lah mengerti ia-itu banyak barang² ini yang di-kehendaki dan tidak-lah dapat di-beli dengan sa-kali gus.

I think the last observation came from the Honourable Member for Krian Laut. Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut meminta keterangan² ada atau tidak-nya anak² Melayu bekerja di-Pejabat Immigration. Beliau telah juga menyatakan ketakutan-nya, kalau² ada perkara² yang churang yang berlaku di-pejabat tersebut. Beliau juga telah meminta supaya di-ambil perhatian yang berat di-atas hal ini, dan beliau sa-terus-nya meminta supaya Ketua Pejabat ini di-ambil daripada orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab-nya, saya suka menyatakan bahawa saperti jabatan² Kerajaan yang lain dan Jabatan Immigration ada-lah di-penohi oleh warga negara Malaysia yang terdiri dari berbagai² bangsa dan tidak terhad kepada satu bangsa sahaja. Saya kurang mengerti, apa-kah yang di-takuti oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan perkataan "Churang". Ini barangkali perkataan ini datang daripada Perak, atau dari Kedah, saya tidak tahu, tetapi perkataan "Churang" ini, kalau Ahli Yang Berhormat itu bermaksud ada-nya makan suap dalam pejabat ini, saya mempunyai keperchayaan yang penoh bahawa perkara yang sa-macam ini tentu-lah ada di-ambil perhatian dan di-ambil tindakan oleh polis. Kalau Ahli Yang Berhormat itu ada tahu tentang ada-nya perkara ini berlaku, Ahli Yang Berhormat itu boleh-lah berhubung dengan pehak polis dan juga dengan Pengarah Pengegah Rasuah.

Tentang hal Ketua Jabatan Immigration ini, saya suka menegaskan di-sini bahawa Kerajaan sendiri mengikut di-atas dasar siapa layak, dia-lah yang di-pilih dengan tidak memandang kepada bangsa dan ugama.

I am sorry, Mr Speaker, there is one more observation made, and that is by the Honourable Member for Melaka Selatan. Ahli Yang Berhormat ini telah menhadangkan kepada Kerajaan supaya ahli² pasokan kawalan kampung di-beri latehan dalam menggunakan senjata api dengan sa-beberapa segera-nya, dan dengan ini dapat-lah ahli² pasokan kawalan kampung itu menjadi pertolongan yang besar kepada pehak polis.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini, suka saya menegaskan bahawa tugas yang sa-benarnya bagi pasokan kawalan kampung ini ada-lah berlaku sa-bagai mata dan telinga Kerajaan dan bukan-lah untuk memburu atau bertempor dengan penyusup² Indonesia yang bersenjata itu, walau bagaimana pun satu penyusunan yang lengkap berkenaan dengan pasokan kawalan ini sedang di-kaji oleh Kementerian saya dan soal yang di-bangkitkan itu akan di-kaji bersama² dengan beberapa segi yang lain.

Sir, as I have said, my observation is very short and I now finish with my reply.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Speaker, Sir, an Honourable Member from Sarawak wanted to know certain details with regard to payments to elected councillors. For the States of Malaya the National Council for Local Government has under Article 95A of the Constitution formulated a policy that allowances within certain scales be paid to elected councillors of the various local authorities. As has been agreed in the Inter-Governmental Committee's Report and as provided in Section 43 of the Malaysia Act, Singapore and the Borneo States shall not be required to follow the policy formulated by the National Council for Local Government under Article 95A of the Constitution.

As the State of Sarawak has full authority over the Municipality of Housing and other local councils within the State which are on the State list, there will be no objection if the State decides to follow the policy already formulated and applicable to the States of Malaya.

The Malaysia Act also provides that with the concurrence of each State Assembly, the State of Sarawak can adopt all the clauses of Article 95A whereby she will be bound to follow all the policy decisions of the National Council for Local Government. The Minister responsible for Local Government has no statutory power over local

authorities in any State. However, any suggestion brought before the House can be communicated to the State concerned for consideration.

The Honourable Member for Temerloh stated that notices of termination of service have been served on a number of workers in Temerloh and he said that the time limit was too short. In fact, an indication was given to these workers i.e. a three months' notice that their services might be terminated. I have had representations made to me and we have looked into the whole matter. The position is that with the current financial difficulties we were not sure whether we will be able to continue with some of the works in that particular district. However, I am glad to inform the House that there is a possibility of finance being forthcoming and of our being able to give these workers further employment.

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Mr Speaker, Sir, several Members of this House have referred to the prevalence of pirate or illegal taxis, both in the States of Malaya and Singapore. I appreciate the Honourable Members' concern over this problem but before I go further I should like to say that this is not just a road transport problem but is equally an economic and social problem which cannot be solved merely by repressive action or strict enforcement measures.

Pirate taxis exist, firstly, because it is so easy for any unemployed person in this country to buy a second-hand car on hire purchase terms and use it as a pirate taxi and compete successfully with licensed taxis because these pirate taxis pay so much less licence fees and insurance premium and are also not subject to periodical mechanical inspection by the Road Transport Department. However, the main reason why illegal taxis exist is because certain sections of the public continue to patronise them in spite of repeated warnings not to do so by the Police and Road Transport Departments as these vehicles are not insured to carry passengers for hire or reward and in case of an accident the injured party

can have no claim against the insurance company. In order to enable the public to differentiate easily a licensed taxi from a pirate taxi, the Road Transport Department recently introduced a new rule whereby all licensed taxis are required to be clearly marked on both sides of the vehicle. The public therefore cannot say that they could not tell a licensed taxi from a pirate taxi. In spite of this measure it would appear that pirate taxis are still enjoying good patronage.

Enforcement action against these pirate taxis has been rendered most difficult by the unwillingness of the public to co-operate with the Police in giving of evidence against the operator. Unless this co-operation is forthcoming there is not much that the authorities could do. Nevertheless to facilitate enforcement the Road Traffic Ordinance has been amended to give powers to a Police Officer to seize pirate taxis and it is hoped that armed with this additional power the Police will have more "teeth" in their campaign against illegal taxis. Similarly, the Singapore Road Traffic Ordinance is also being amended to provide the Police there with the same power to seize pirate taxis. For the information of the House 67 pirate taxis have been seized by Road Transport Officers between January and September, 1964, in the States of Malaya.

Some people also believe that if the number of licensed taxis was increased the number of pirate taxis would automatically be reduced. This belief has been proved to be wrong. In Singapore until a few years ago there was no limit to the number of licensed taxis. Anybody could apply and obtain a taxi licence and yet this did not have any effect at all on the number of pirate taxis operating in Singapore. Similarly, in the States of Malaya the number of licensed taxis has increased from 3,540 in 1958 to 4,200—just an increase of 660 taxis today—without any effect at all on the number of pirate taxis. It would be unwise to increase the number of licensed taxis any much further because the present number of licensed taxis has already reached saturation

point and many taxis have to compete fiercely among themselves to obtain fares in order to survive.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah menyatakan Undang² taxi atau kereta sewa ini terlampau keras sebab itu-lah banyak taxi² sapu atau taxi² yang tidak membayar chukai. Yang sa-benar-nya bagi pengetahuan Yang Berhormat, Undang² atau sharat² itu semenjak tahun 1958 telah pun di-longgarkan ia-itu kereta² sewa ini boleh mengambil passenger² atau penumpang² dari tempat taxi itu kepada tempat yang dia hendak pergi itu. Dengan ada kelonggaran Undang² ini, tidak juga akan mengurangkan taxi² sapu. Ini menunjukkan taxi² sapu ini bukan-lah sebab Undang²-nya atau kurang-nya kereta sewa tetapi yang sa-benar-nya seperti mana yang saya terangkan tadi, kerana kereta² sapu ini tidak kena membayar ansoran nyawa dan chukai² yang mahal seperti mana taxi² yang membayar chukai² yang di-kehendaki oleh Kerajaan.

Yang Berhormat itu juga menerangkan, oleh kerana lama mengeluarkan permit² taxi ini maka di-situ-lah yang menyebabkan banyak taxi² sapu. Yang sa-benar-nya, saya sa-bagai Menteri Pengangkutan telah mengambil tindakan yang mana dahulu-nya ada 10 kawasan Majlis Pelesen mengeluarkan kebenaran kereta² sewa ini, telah pun di-pinda sejak 1 haribulan April, 1964, kepada sa-buah sahaja Majlis Pelesen di-seluruh Tanah Melayu ini. Ini dengan tujuan hendak melaksanakan dan hendak menyatukan segala peratoran² supaya dapat di-jalankan dengan baik. Tetapi malang-nya walau pun kita sudah pinda Undang² itu, kita tidak-lah patut mesti menghapuskan hak² pehak yang memohon permit atau pun pemohon² kereta sewa yang tidak puas hati itu meminta ulang bichara. Maka kuasa pehak yang tidak puas hati yang meminta ulang bichara ini-lah yang menyebabkan lama, kerana sekarang, ulang bichara pergi kepada Menteri. Kalau ada sa-buah taxi yang hendak di-keluarkan kebenaran-nya dalam sa-buah kampung yang memohon ada 20 buah, tentu yang dapat sa-orang sahaja. Maka biasa-nya 19 orang yang

memohon yang tidak dapat itu akan menggunakan hak-nya meminta ulang bichara. Maka kena-lah membuat segala² rayuan 19 kali dan ini juga memakan belanja dan waktu. Saya fikir hak ulang bichara ini ada-lah hak ra'ayat di-dalam negeri yang berdemokrasi sa-bagaimana Malaysia ini, tidak-lah patut kita hendak hapuskan dengan hanya kerana lewat satu dua bulan sahaja. Maka saya memberi pengakuan kepada Yang Berhormat itu, bila ada lambat sedikit, tahu-lah bukan kami yang melambatkan tetapi kerana ulang bichara yang ada hak² itu kepada ra'ayat yang mahukan ke'adilan yang sa-benar²-nya.

Now, coming to the Honourable Member for Ipoh—usually he is not here—he alleged that the preference given to Malays in the grant of taxi licences has been the cause for the prevalence of pirate taxis. It is nonsense. For the information of the Honourable Member, I would like to say that once the Malay target percentage in a State, as fixed by law, has been achieved, all applicants, regardless of race, are treated solely on their merits. For his further information, I would like to say that as at 1st December, 1964, the position regarding the Malay taxi percentages in the States of Malaya is as follows.

Malacca has achieved the target on the 11th of April, 1958. In other words, anybody can apply and, on merit, they will be considered whether they will be granted taxi licences or not. In Perak, where the Honourable Member for Ipoh comes from, the target has been achieved since the 4th of March, 1959, and I do not see why he should complain about it. There is no discrimination, there is no delay there. In regard to Negri Sembilan

Dr Tan Chee Khoon: Sir, may I ask a question by way of clarification?

Dato' Haji Sardon: If it has connection with this, I do not mind giving him way.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, am I to understand that it is the policy of the Government that when the target of the

quota system is reached, it is free for all and that everybody can apply and that every application is judged on its own merit irrespective of race, colour or creed?

Dato' Haji Sardon: Yes, that is the policy!

Dr Tan Chee Khoon: Thank you.

Dato' Haji Sardon: I am glad that you asked for clarification. (*Laughter*) Now, in regard to Negri Sembilan, the Malay percentage has been achieved on the 11th of April, 1959, Penang in June, 1959, Pahang in April, 1963 and in regard to Selangor—this is where I think the Member for Batu is concerned and he need not worry—it has been achieved in February, 1964. Now, Johore has just 1.87% more to complete the quota. In other words, out of the target of 47.97, it has achieved up to 46.1 now. For Kedah, the target is 67 and it has come up to 63. Perlis has a target of 78 and it has achieved about 68.7 and in regard to Kelantan—of course, the majority in Kelantan are Malays—it is 91.64 and it has come up to 84.21.

Now, from those statistics, it is quite clear, and I am proud of it, that the Alliance Government has done its level best to eliminate once and for all the imbalance of the economic position of the Malays in the road transport business as far as taxis are concerned; and this has been agreed to by all communities and by all parties concerned as has been stated in White Paper 17. I do not know the reason why the P.P.P. at every Budget meeting, harps on the old tune "We want to eliminate the Malay privileges, particularly in the road transport". However, I can assure them that as long as the people want the Alliance Government and as long as the Alliance Government is in power, we will be fair to everybody and we will still carry on the policies which will improve the economy of all those who carry on transport industries in Malaysia.

Enche' Yeoh Tat Beng (Bruas): Sir, on a point of clarification, can the Minister say whether Perak State has reached saturation?

Dato' Haji Sardon: In regard to Perak, the Malay target is 39.7 and it has been achieved since 4th March, 1959. (*To Enche' Yeoh Tat Beng*) Please take a note.

Sir, I just wish to say this in conclusion that the Alliance Government is doing its level best to help the Malays to come up in the road transport business with other communities who are, I understand from my statistics, holding not less than 90% of the whole transport industries.

The Prime Minister: Tuan Speaker, bagaimana perbahathan yang telah dijalankan pada mula tadi, banyak-lah perkara² yang telah di-sebutkan berkenaan dengan Kementerian saya. Jadi saya suka mengambil peluang ini menjawab soalan² itu, tetapi yang mana di-keluarkan pada pagi ini tidak dapat-lah lagi di-sediakan dan tidak-lah dapat saya hendak menjawab-nya. Berkenaan dengan perkara² yang telah di-sebutkan oleh sa-tengah² Ahli Yang Berhormat di-dalam Persidangan ini tidak payah-lah saya sebutkan lagi kerana Ahli² Yang Berhormat telah dikeluarkan perkara² itu. Kerana banyak sangat yang berchakap, maka kita tentu-lah mengambil masa yang panjang sa-kira-nya saya sebutkan tiap² perkara itu berkenaan dengan soal apa-kah perkara² yang patut di-jadikan asas berkenaan dengan Persidangan Afro-Asia, apa-kah chara² kita ini hendak masuk dalam Persidangan itu.

Jadi, Malaysia sekarang ini telah mengambil banyak lagi rundingan yang giat untok hendak hadir dalam Persidangan itu, kerana kita pandang bahawa sangat-lah mustahak bahawa Malaysia ini hadir dalam Persidangan itu, kerana dengan jalan itu dapat-lah kita menentang segala tuduhan² Indonesia yang di-hadapkan kepada kita. Jadi atas perhubungan kita ini bagaimana Ahli² Yang Berhormat mengetahui Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah pun baharu² ini pergi ka-negeri Middle East dan Africa Utara. Dalam pertemuan Timbalan Perdana Menteri dengan ketua² negeri² itu, kita berasa puas hati-lah sokongan yang di-dapati-nya itu. Daripada apa yang kita tahu, negeri² ini tentu akan

menyokong Kerajaan Malaysia untuk hadir dalam Persidangan itu. Di-dalam hal ini beberapa banyak lagi rombongan yang kita akan hantar ka-negeri² dalam Africa dan di-dalam Middle East. Jadi kehadiran kita dalam Persidangan itu berdasarkan atas kawasan di-situ, nampak-nya tidak-lah bagaimana Persidangan Non-Aligned dahulu itu mengatakan kita ini di-sifatkan sa-bagai Aligned.

Di-sini sa-bagai negeri yang merdeka yang telah di-terima oleh United Nations, tentu Persidangan itu akan menerima kita. Jika di-sebutkan soal konfrantasi di-kalangan Afro-Asia berkaitan dengan soal Israel, maka di-sini saya suka menyebutkan sa-tengah² Ahli di-dalam oposisi itu, mensifatkan bahawa kita ini telah mengi'tirafkan Israel itu sa-bagai negeri yang kita terima sa-bagai kawan. Walhal tidak begitu, yang sa-benar-nya Israel ini satu negeri yang telah sedia ada dalam United Nations masa kita ini masok. Sunggoh pun kita i'tirafkan ini, tetapi kita telah memberi tahu beberapa kali bahawa kita tidak akan berkawan, tidak akan ada satu² hubungan dengan Israel dan tiap² satu perkara yang Israel minta, baik pun dalam kalangan sport dan sukan dan apa² kalangan lagi, kita tidak menerima. Jadi, betul² menunjokkan kita ini memang berseteru dengan Israel.

Sa-lain daripada itu ta' payah-lah saya hendak menyebut tentang soal yang di-terbitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, tentang bantuan untuk melawan konfrantasi, ia-itu di-katakan soal Malaysia sendiri orang² kita yang dapat bantuan untuk melawan kerajaan sendiri itu ada-lah soal besar. Jadi, Amerika yang sa-benar-nya di-atas soal yang pertama soal memberi bantuan kepada Malaysia, perkara itu saya sendiri telah memberitahu apabila saya pergi ka-Amerika baharu² ini, saya telah mengadakan perundingan dan Amerika telah memberitahu dengan sa-chara terus terang berkenaan dengan confrantasi Indonesia—mereka tentu-lah tidak berkait. Ini ada-lah satu soal yang British ada berkait, kerana perjanjian kita yang ada dengan Kerajaan British, ia-itu Perjanjian Pertahanan.

Kita ini sa-buah negeri yang di-luar daripada SEATO. Jikalau kita masok dalam SEATO sudah tentu Amerika ini berdiri di-belakang kita, kerana ahli² SEATO itu telah berikat janji untuk menentang sa-bagaimana kita kata kominis. Oleh kerana kita ada-lah di-luar daripada perjanjian SEATO maka tanggungan menentang confrontasi Indonesia itu ia-lah tanggungan kita sendiri dengan di-bantu oleh Kerajaan British. Maka di-atas hal ini, kita telah berjalan terus dan kejayaan kita sa-bagaimana tuan² dan Ahli² Yang Berhormat sakalian telah pun tahu dan juga berkenaan dengan perkara itu, Amerika tidak memberi bantuan, sunggoh pun begitu sa-bagaimana yang di-beritakan mereka tidak jauh di-belakang kita dan ini sudah tentu, kalau nampak-nya kita ini telah pun terancham terok dan harus democracy kita ini akan hanchor, maka saya tidak ada rasa bimbang di-atas sokongan yang akan di-berikan oleh Amerika itu. Ahli² Yang Berhormat juga meminta saya jelaskan kepada ra'ayat, ada-kah Malaysia menentang kominis oleh sebab kekerasan dan kejahatan, atau pun kita ini menentang ideology, atau fahaman kominis. Kata-nya Islam bertentangan dan bermusohan dengan kominis. Jadi, Ahli Yang Berhormat itu berasa dukachita di-atas siaran Perdana Menteri kata-nya bahawa kita tidak menentang communism dari segi ideology, tetapi dari segi kekerasan-nya sahaja. PAS kata-nya menentang kominis segala²-nya. PAS tidak memerintah negeri ini, dia boleh-lah menentang sa-suka dia hendak menentang, tetapi bagi pehak kita ini susah sedikit, kerana kita ini ta' boleh berchampur dengan ideology orang² lain, kerana ideology tiap² satu orang, atau tiap² satu negeri kena-lah sesuai dengan ra'ayat² negeri itu, atau pendirian negeri itu, atau kehidupan negeri itu. Jadi, apabila mereka telah tentukan di-atas ideology yang mereka hendak ikut, kita ini yang dudok jauh, yang tidak kena-mengena pergi hendak menentang—ta' bersetuju. Jadi, hal itu tentu-lah kita kata tidak-lah berpatutan. Begitu-lah juga kalau kita ini Islam, orang lain—negeri lain memelok ugama lain, kita tidak berhak, sunggoh pun

kita menentang atas ugama itu, atau nampak-nya kita tidak sa-lari dengan ugama itu, kita hendak menentangkan mereka itu menerima ugama—itu pun ta' kena juga; itu hal² ideology—apa yang berkenaan dengan kita, apa yang baik pada kita, apa yang sesuai pada kita—itu-lah yang kita ikut. Jadi, ini-lah pendirian kita. Maka dengan kerana itu, bagaimana tentangan Indonesia terhadap pendirian kita itu, kita telah katakan ia-itu tidak ada asas langsung tentangan Indonesia itu, kerana kita berkawan dengan British, kerana kita buat perjanjian dengan British—Indonesia menentang sampai hendak hanchorkan kita ini. Jadi, ini semua kita kata tidak berasas, begitu juga kita ini tidak menentang kominis dengan kerana ideology-nya, kerana dia berhak memakai apa ideology yang dia suka, asalkan dia tidak mengachau kita, asalkan dia tidak chuba hendak mengancham negeri kita ini sa-bagaimana yang dia telah buat dahulu itu. Jadi, di-sebutkan juga di-atas kesanggupan British untuk membantu Malaysia ia-lah kata-nya makin kurang. Perjanjian Pertahanan mesti-lah di-kaji sa-kali lagi. Perjanjian mesti-lah diubah kapada bentok Commonwealth supaya sa-imbang dengan taraf dan kedaulatan Malaysia. Jadi kehendak Ahli Yang Berhormat itu supaya kita paksa British mengeluarkan wang ringgit, mengeluarkan segala² pertolongan, pendek-nya biar mereka itu berperang—kita duduk diam. Jadi, ini bukan taraf kemerdekaan, atau sa-sabuah negeri yang mengakui diri-nya merdeka dan bagi kita ini telah pun di-langgar, atau pun di-ancham oleh musuh, maka tanggungan kita ia-lah melawan dan menentang musuh² itu.

Bagi pehak sahabat kita ini apa yang telah di-janjikan, maka asal di-jalankan, di-sempurnakan perjanjian itu, bagi pehak kita patut-lah berpuas hati. Jadi, apa yang telah berlaku pada hari ini, British telah memberi bantuan sa-bagaimana yang di-janjikan di-dalam perjanjian itu dan bagi pehak kita, terpaksa-lah kita menentang musuh² kita dengan sa-boleh²-nya dan apa² juga sokongan yang lain, apa yang tersebut dalam perjanjian itu, mahu-lah kita ikhtiarkan dan chari sendiri. Maka

dengan kerana itu-lah Ahli² Yang Berhormat telah mendengar ia-itu pehak rombongan daripada Canada telah pun datang di-sini dan telah berunding dengan pehak Kementerian Pertahanan dan dalam perundingan itu telah di-bahathkan atas apa² perkara yang mereka boleh menghulorkan tangan untuk menolong kita di-dalam keadaan sekarang ini. Jadi, begitu-lah juga pehak Amerika, rombongan di-sana pun telah datang dan berunding dengan pehak pertahanan kita dan kita telah mengemukakan apa² benda yang patut di-dapati daripada mereka itu. Ini pendirian negeri yang berdaulat, negeri yang merdeka, kalau kita serahkan segala²-nya kapada tangan British, ini menunjukkan bahawa kita memang di-bawah ta'alok British

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya memberi pandangan itu bukan-lah kita hendak menyerahkan segala²-nya kapada British dan negara Commonwealth, bukan-lah kita hendak duduk diam sahaja—hendak biarkan orang² itu berperang. Maksud saya kemukakan itu biar-lah kita sendiri yang memperjuangkan, mempertahankan tanah ayer kita ini dan negeri² itu memberikan bantuan alat senjata dan kewangan—itu ada-lah berlainan sedikit dengan penjelasan.

The Prime Minister: Ya, ada di-sebutkan begitu juga, tetapi saya hendak pendekkan sahaja. Jadi, pada perasaan saya di-atas apa yang tersebut itu begitu-lah juga, tetapi ta' apalah saya terima apa yang di-jelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu, dan di-sini saya ingatkan lagi, maka tanggungan kita hendak-lah kita usahakan untuk menentang musuh kita ini dengan sa-bberapa daya upaya-nya dan pehak mereka di-atas bantuan yang telah di-berikan kapada kita itu—saya nampak berpatutan dan memenohi dengan syarat² tersebut dan dalam perjanjian yang telah di-buat dengan British itu, jadi ada perkara² yang lain yang berbangkit di-dalam perbahathan ini ia-itu sa-orang Ahli Yang Berhormat di-katakan ia-itu berkenaan dengan hal pentadbiran—ada di-katakan, di-dapati yang temu-duga bagi mengambil pekerja² untuk mengang jawatan²

yang kosong, ada pegawai yang menjadi ahli temu-duga itu yang anti-bahasa kebangsaan dengan mengatakan tidak mustahak mengambil mereka yang berkelulusan dari sekolah kebangsaan, sebab bahasa kebangsaan tidak mustahak. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beritahu kepada saya siapa-kah ahli, atau pegawai yang menjadi ahli temu-duga itu yang mengeluarkan perkataan yang samacham itu, saya mengaku saya akan mengambil tindakan atas ahli itu. (*Tepok*).

Jadi di-sebutkan juga, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan Pusat bagi melaksanakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal dalam tahun 1967. Perkara ini telah banyak di-keluarkan oleh Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini. Di-atas kempen² yang telah di-jalankan beberapa tahun yang lepas menunjukkan bagaimana beratnya Kerajaan memandang di-atas menggunakan bahasa kebangsaan itu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal. Dan kita telah menjalankan, bagaimana Ahli² Yang Berhormat sendiri tahu, Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan dan kita telah susun di-dalam pelajaran² di-sekolah² kebangsaan mengenai bahasa kebangsaan itu. Boleh di-katakan semua pelajar²—murid² daripada sekolah itu terpaksa kena belajar bahasa kebangsaan. Jadi mereka yang lulus daripada sekolah² kebangsaan dalam sedikit tahun lagi atau satu dua tahun lagi semua-nya boleh di-katakan pandai di-dalam bahasa kebangsaan.

Banyak Menteri² Kerajaan pun pada hari ini mengeluarkan sa-berapa daya upaya-nya surat² semua-nya di-dalam bahasa kebangsaan. Jadi tentang mana yang susah pada waktu ini ia-lah di-atas Shorthand—Stenographer. Mereka ini sedang belajar tetapi dalam Shorthand atau pun tulisan ringkas ini belum dapat lagi mereka itu pandai. Jadi dengan kerana itu ada-lah menjadi sedikit sukar di-atas hal itu tetapi pehak Kerajaan insha' Allah kita akan jalankan dengan sa-berapa usaha-nya supaya bahasa kebangsaan akan di-pakai pada tahun yang kita janjikan itu (*Tepok*). Sunggoh pun begitu tidak-

lah dapat kita hendak menggunakan dengan 100 peratus barangkali, kerana perkara yang umpama ini—perkara yang besar umpama ini kena-lah kita menjalankan dengan timbang menimbang juga. Tetapi bagi pehak kita tidak ada lain melainkan kita akan chuba dengan sa-berapa daya memakai juga bahasa kebangsaan itu sa-bagaimana yang kita telah sebutkan tadi. Jadi bagaimana saya katakan jikalau nampak tidak dapat hendak di-pakai 100 persen, 90 persen pun harus di-pakai.

Berkenaan dengan Undang² dalam Parlimen ini di-katakan hendak-lah di-gunakan dalam bahasa kebangsaan. Hal ini kita telah ambil timbangan dengan berat juga. Tetapi dengan kerana banyak juga perkataan² yang di-gunakan di-dalam Undang² itu terpaksa juga di-pakai dengan bahasa Inggeris, kerana tidak dapat kita hendak gantikan dengan bahasa kita ini. Saya nampak Undang² dalam bahasa Inggeris kena juga di-pakai sekarang ini tetapi kita akan chuba mengadakan di-dalam bahasa kebangsaan—menggunakan perkataan² itu di-dalam bahasa kebangsaan, perkataan² yang kita semua faham dalam bahasa Inggeris ini juga. Kerana saya ini biasa daripada mula bekerja di-Kedah ada-lah menggunakan bahasa kebangsaan di-dalam semua perkara baik pun di-dalam pentadbiran negeri atau pun di-dalam Mahkamah. Dan juga dengan kerana itu di-Kedah ini banyak ma'ana-nya perkataan² Inggeris yang kita semua faham kita pakai, seolah²-nya perkataan itu perkataan bahasa Melayu. Jadi jikalau sa-kira-nya kita timbang tidak menjadi salah dan tidak membangkitkan keritik, harus kita gunakan atoran itu. Kadang², perkataan² yang di-keluarkan dari Balai Pustaka ini, saya sendiri pun tidak berapa faham; macham terjemahan sparking plug di-katakan percheck api, kita tidak tahu, kita semua pakai sparking plug, battery sa-umpama-nya. Saya harap di-dalam terjemahan ini di-pakaikan-lah apa benda yang kita kenal. Kerana tiap² Undang² di-kehendaki memberi orang faham ma'ana-nya dalam Undang² itu. Jikalau kita pakai terjemahan perkataan² dari

Balai Pustaka yang kita sendiri tidak faham tidak-lah menjadi guna. Jadi kerana itu saya harap pada masa hadapan kita chuba sa-berapa daya menterjemahkan Undang² ini di-dalam bahasa kebangsaan dan juga kita keluarkan Undang² di-dalam bahasa Inggeris.

Ada juga dengan ada-nya keadaan kesusahan pada masa ini kata-nya adalah di-sebabkan timbul-nya pembentokan Malaysia. Hal ini saya ingat di-keluarkan oleh sa-orang dua Ahli Yang Berhormat. Saya akan gaulkan semua sa-kali perkataan yang di-keluarkan sa-umpama ini yang men-chabarkan Kerajaan mengishtiharkan perang terbuka terhadap Indonesia, saya akan sebutkan belakang kelak. Dan juga perkara berkenaan dengan Kerajaan harus menentukan dasar-nya soal Rhodesia Selatan. Hal ini saya dapat sebutkan sekarang ia-itu Kerajaan telah pun menentukan dasar-nya tentang hal ini. Perkara ini saya telah jawab kepada Perdana Menteri British yang mengatakan, kami menentang segala dasar perbezaan warna kulit. Dan kita menentang juga segala perchubahan untuk menubuhkan sa-buah Kerajaan yang tidak di-terima sokongan dari semua ra'ayat walau pun kulit putih atau hitam, hal ini kita telah menentukan sikap pendirian kita.

Dan juga ada di-sebutkan lagi soal keengganan Russia membayar yuran kepada pertubuhan Bangsa² Bersatu. Malaysia telah pun memberikan keterangan di-atas pendirian kita atas hal ini, mesti-lah tuntutan hutang itu tetapi biar-lah di-jalankan peratoran United Nations atas Russia sa-hingga dapat jalan yang lain atau ikhtiar yang lain untuk menyelesaikan hutang ini. Kerana kita tidak mahu-lah sa-boleh²-nya United Nations menjadi perpechahan dengan kerana perkara yuran. Jadi dengan kerana itu tuan² pun sedia ma'alum sekarang ini United Nations mengadakan persidangan tidak mahu mengambil tindakan yang keras dan saya harap soal ini dapat di-selesaikan.

Berkenaan dengan hak² istimewa orang Melayu; ada sa-orang Ahli Yang Berhormat telah mengatakan bahawa patut-lah kita mendirikan satu

Lembaga Jema'ah atau pun Jema'ah Menteri bagi menjaga dan membuat ranchangan² jangka panjang untuk hak istinewa orang² Melayu dan bumi putera Sabah dan Sarawak supaya satu masa kelak mereka meningkat naik sama dengan kemajuan bangsa bersatu. Maka saya suka memberi tahu bahawa Menteri Perdagangan dan Perusahaan sudah pun ada sa-buah bahagian khas untuk menyusunkan hal² kemajuan perniagaan orang² Melayu. Dan Kementerian ini telah pun berjalan dengan chergas atas perkara ini. Tetapi jikalau kita menubuhkan satu badan untuk menjaga hak² Melayu nampak-nya sa-olah² kita ini bukan-lah Wakil Ra'ayat jelata di-sini, sa-olah²-nya kita in macham Kerajaan Colony dahulu ia-itu bagi menjaga hal² negeri dengan tidak ambil pandang di-atas kedudukan orang² Melayu itu. Walhal kita ini boleh di-katakan wakil daripada ra'ayat dengan kerana itu-lah kita kena-lah memandang di-atas kedudukan kehidupan ra'ayat² Melayu ini.

Maka dengan kerana itu tiap² usaha kita yang di-jalankan pada hari ini saperti ranchangan Luar Bandar dan lain² ranchangan perniagaan dan semua-nya kita tolong, tetapi bagi pehak orang Melayu, kena-lah tolong diri mereka sendiri. Jangan-lah harapkan segala²-nya kepada Kerajaan buat itu dan ini, dan Kerajaan telah memberikan lesen dan berbagai² perkara lagi. Tahu² lesen² itu sudah hilang, timbul di-tangan orang lain. Jadi pening kepala Kerajaan memikirkan, tetapi kita buat latehan untuk hendak memberi ra'ayat Melayu sedar bagaimana perjalanan perniagaan dan lain² dan dengan latehan² itu, kita harap satu hari kelak boleh-lah menolongkan diri mereka sendiri dengan pertolongan yang di-beri oleh Kerajaan.

Jadi lagi satu chadangan yang saya nampak baik ia-itu di-chadangkan supaya di-adakan Tabong Derma Kebajikan Ahli² Parlimen. Kalau kematian ahli² Parlimen berlaku, boleh-lah wang ini di-gunakan. Wang untuk Tabong itu hendak-lah di-ambil daripada elaun M.P. Saya memang ber-setuju-lah sangat jangan M.P.² ini meminta tambah elaun, (*Ketawa*). Chadangan itu sangat baik, tetapi

jangan sudah suroh potong elaun, besok minta tambah pula lagi (*Ketawa*), dan kalau sudah di-potong jangan-lah kata susah hendak melaksanakan itu dan ini.

Tadi ada juga di-sebutkan berkenaan dengan bahasa kebangsaan yang di-beri layanan pada masa dahulu, kata-nya pada masa dahulu pada masa pemerintah Jepun, jika tahu bahasa Jepun boleh dapat gaji lebeh, jadi kita di-sini tidak beri gaji lebeh bagaimana di-buat pada masa pemerintah Jepun dahulu, kerana kita memerintah negeri kita sendiri. Tetapi ada yang di-beri elaun sa-banyak \$30 sa-bulan kapada Juru Trengkas dan bagitu juga kapada tiap² sa-orang kerani yang mahir bahasa kebangsaan yang di-gunakan membuat kerja dalam bahasa kebangsaan. Lagi satu perkara dalam peratoran Perkhidmatan Juru Trengkas, Pensionable Allowance sa-banyak \$50 sa-bulan ada-lah di-beri kapada Juru Trengkas Bahasa Inggeris yang lulus dalam Peperiksaan Kerajaan dalam bahasa kebangsaan.

In connection with service matters, an Honourable Member from Sarawak suggested that in the present emergency situation we should see to it that promotions in the various services should not be on a racial basis but on personal merits. According to the Honourable Member, during his short stay here in Kuala Lumpur, he heard complaints of officers having been promoted not on personal merits. I am sorry to say that I do not know whether the Honourable Member is referring to any particular Service or merely generalising, or whether he is referring to the Services in the States of Malaya. In any case, in the States of Malaya, in accordance with the service principles laid down in the General Orders, promotion is based on qualifications, merits and experience. Any allegation that promotion is based on racial origin, I can say here, is not true. An examination of the establishment lists of the Federal Services will show that merits and not racial origin have been the basis. This service principle has been adhered to very strictly by the independent Public Services Commission.

The Honourable Member also suggested that in the Constitution provision is made for the reservation of quotas in respect of the Public Service for Malays and that there is no such provision in the Constitution for Sarawak or Sabah. It may be politically expedient in the States of Malaya to have this provision, but such a provision should not be extended to the other States of Sabah and Sarawak. In reply to this question, I can do no better than to quote paragraph 29 of the Malaysia Report of the Inter-Governmental Committee of 1962 which states among other things:

"It was agreed that.

- (c) in the application of Article 153 to the Borneo States the Yang di-Pertuan Agong should continue to exercise his powers under the Article on the advice of the Federal Cabinet, but such advice shall only be given after consultation with the Chief Minister of the State concerned . . . "

It follows from here that this provision is not extended automatically to the States of Sabah and Sarawak. Nevertheless, where possible, the extension of this protection for the natives of the two States must be considered and must be applied where possible.

Satu perkara lagi yang di-bangkitkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan gaji "Equal Pay for Women", gaji sama untuk wanita². Ini belum di-laksanakan oleh sebab Pihak Pekerja, Staff Side, belum lagi dapat menerima tawaran Kerajaan. Sa-balek-nya mereka telah membuat chadangan balas—Counter Proposal dan ini sedang di-kaji dengan halus-nya. Bagitu juga berkenaan dengan hal pentadbiran juga, satu pertanyaan soalan ini daripada Ahli Yang Berhormat itu juga, apa-kah sebab Kerajaan belum lagi melaksanakan tangga gaji baharu bagi Doktor² semua. Kata-nya Doktor² tetap sahaja yang telah di-tawarkan, Doktor² Sementara, Doktor² yang bekerja dalam contract dan Doktor² perempuan, bersuami, ada di-anggap lain dan tidak di-beri tangga gaji baharu ini. Di-sini saya suka memberi tahu tangga gaji baharu untuk Doktor² ia-lah untuk semua Doktor² termasuk Doktor²

Sementara, Doktor² dengan chara contract dan Doktor² perempuan juga.

Ini ada-lah satu soalan lagi berkenaan dengan, telah menyentoh, katanya tentang kenyataan yang mengatakan bahawa ada pegawai² dalam Khidmat Luar Negeri yang telah tidak di-naikkan pangkat, pada hal rakan² sejawat-nya di-dalam tingkatan yang sama dalam M.C.S. telah di-naikkan pangkat. Hal ini sungguh berlaku tetapi perkara ini di-dalam pemereksaan dan harus perubahan akan dijalankan tidak lama masa lagi.

Lagi satu soal di-dalam kenaikan pangkat Pegawai² M.C.S., jasa bakti—merit—kata-nya tidak di-timbang. Jadi ini menurut service principles, semua kenaikan pangkat ada-lah dijalankan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam telah mengkaji syarat di-dalam General Orders Cap. A 38 dimana ada di-sebutkan bahawa kenaikan pangkat ada-lah berdasarkan kapada jasa baik. Jadi kelayakan, kelulusan, pengalaman dan kemahiran semua-nya di-timbangkan. Jadi hal itu Kerajaan boleh di-katakan serah kapada Surohanjaya Perkhidmatan Awam. Jadi ini di-katakan sa-bagai satu pertubuhan atau surohanjaya yang bebas. Jadi tidak-lah saya ingin menaruh bimbang bahawa apa yang di-sebutkan oleh pegawai itu atau apa yang di-bimbangkan oleh Pegawai itu tidak-lah berasas.

Now, Sir, with regard to matters affecting the External Affairs Ministry, it was alleged that we did not give thought to the Middle East countries and also to the African countries and that it was only after we had been confronted by Indonesia that we, all of a sudden, started to make move to win over the African countries and the Middle East countries. I do not think the Honourable Member has forgotten the fact that many of the African countries have just become independent. Even before they became independent, we were the only country, perhaps, in the whole wide world that took up the question of the apartheid in Africa; and we too were the first to start the campaign for the boycott of South Africa because of its apartheid policy.

Therefore, to suggest that we did not pay any attention to these African countries, to say the least, is not true, because we have supported them and our thoughts and our consideration for the feelings of the African people is clear. We have not set up diplomatic relations with these countries for the simple reason that we have not the means, nor the men, to man all these various Missions. Being a new country, we have got to take time and we have not got, as I said, the money. Now with the money that we have got to spend in order to defend our country against Indonesia, we have got less money to spend on these projects—Missions abroad. If you will, perhaps, look at what we have now i.e. in the whole of America, you will see that we have only one Mission, in the whole of Europe we have got three Missions—in London, in Paris and in Bonn, Germany—and for the whole of African countries we have got one Mission and in the Middle East, one Mission. If you look at it in its real perspective, you will see that it compares quite favourably with what we have in Africa. However, it is our intention to set up more Missions in the other African States, and that is receiving the attention of this Government, now.

We have also tried, as best as we could, to inform these States of the situation with regard to trouble with Indonesian. I took the opportunity to explain things to all the members of the African countries and other Commonwealth countries at the Commonwealth Prime Ministers Conference in London recently. Also, we have sent delegations from time to time to the other countries, and we have invited newspaper men from the Middle East and from the African countries to come here to see for themselves how things are in this country. Therefore, to say that we have not done enough, would be half truth. But to say that we have not set up Missions in all the countries, is a fact and, as I have said, the reason for that is that we have not got the means to do so now, but this matter is under consideration. We should have thought that most of these countries in Africa and in the Middle East would

have known about what is happening here without our having to explain to them all the time, because I have taken a lot of trouble to write to the Heads of these States everything that happens with regard to this confrontation. Then we would have thought on humanitarian ground that they would have no choice except to show sympathy for us, because we are the victim—it is Indonesia which is the aggressor. They cannot, of course, be so ignorant as not to take heed of what is happening in this part of the world, nor of the principle which forms the basis of the United Nations, which is to defend the right of countries to exist as free and independent countries.

Some Honourable Members, of course, are inclined to find fault with this Government, particularly the Members of the Opposition. One Honourable Member suggested that it was we who are to blame for all these troubles with Indonesian—because we have formed Malaysia, suggested the Honourable Member, we have provoked Indonesia into declaring this confrontation against us. The Honourable Member unfortunately had not given any thought to what I had said time and time again in this House. Indonesia's design on our territories is not new. It dates as far back as 1945 when, as I have stated before—and I repeat here—Soekarno had declared these territories of Malaysia as belonging to the Greater Indonesia or Indonesia Raya. According to him, this is part of Indonesia. After independence, they set up diplomatic relations with us, and they have never forgotten at any time the design they have with regard to us. Under the pretext of friendship, they set up their Embassy here. When their master spy, General Djatikusumo was here, he took a lot of trouble and he spent a lot of time and money to try and build up pro-Indonesian elements in this country. He had succeeded in doing quite a lot until there was this rupture between us and Indonesia. Again, in 1959, Soekarno declared his intention to take over these territories, and confrontation was brought to a head, in fact, when I denounced Chinese aggression in India; then he felt that he

could get the support of the communists and together they would succeed in crushing Malaysia, which they considered as an obstruction to the communist expansion and an obstruction to Indonesian "revolusi" as they call it. So because we were quick enough to bring this trouble to a head, in fact sooner than expected, Indonesia was not fully prepared to carry out the design. Nevertheless, she was forced to bring about this showdown and started an armed aggression or an armed confrontation against us, but all their attacks, because they had not been fully prepared, had not been quite successful. In fact, they had quite a severe loss and I would like to mention here the number of losses which they have suffered as a result of this confrontation: they have had 297 killed, 297 captured and 65 surrendered.

So the Honourable Member for Ipoh does not seem to be happy about things. But if he feels unhappy about things, Sir, we cannot force him, of course, to stay here; he can go when he wants to go, we will still remain here and I think we can be quite happy here without him (*Applause*). If he wants to stay here, he has got to take the good and the bad as a citizen of this country and not just take the good only and leave the bad to us. As a citizen of this country he has his responsibility and his duty as everyone of us, but to talk so loosely I think is no help to us. It only benefits the enemy.

We are in no doubt that confrontation has escalated into something more serious—it has become an armed conflict. Under the Geneva Convention in dealing with the question of the desirability or otherwise of declaring that there is an armed conflict between Malaysia and Indonesia, it is important for us to determine the hostile intention of the Indonesian Government, because we want to try as much as possible to prevent an outbreak of a fullscale war. We have got to go a little bit slowly in this matter. According to this Convention, the presence of elements for recognising the existence of a state of armed conflict does not by itself make it obligatory on one party alone to

accept a state of armed conflict until and unless the other party also regards the situation as such. So we took the proper course, which we thought some time early last month, when we approached the Indonesian Government through the Thai Government to state whether their aggression or their conflict amounts to or come within the meaning of the Geneva Convention. They have taken a lot of time to consider our note, but in the end, just recently, they have replied. They have replied to the effect that they are signatory to the Geneva Convention and that they would invite an international committee, the Red Cross, to ascertain the status of those captured Indonesian volunteers. What it means in effect is that they have admitted the fact that they have carried out an armed conflict against their neighbour and this is a matter which we will take up at the United Nations when it meets next time. On this matter too, the Honourable Member as a lawyer must know that we cannot rush matters until we have taken stock of all evidence and circumstances so that we can satisfy ourselves as to what proper course of action is best for us to take so that the world may know us for what we are—a civilised country which upholds all the principles of the United Nations. We cannot put ourselves in the position of our neighbour or act like a tribe of barbarians whose only thought is to disrupt peace and to destroy mankind. So we are in this respect willing and ready to face Indonesia, because, as I have said before, and I repeat it here, we are not fighting just to save ourselves but we are fighting for the right of small nations, such as we are, to survive.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification. Am I to understand from the statement of the Honourable Prime Minister that this question of whether we are in a state of armed conflict with Indonesia is still under consideration by the Alliance Government? If that is so, as we subscribe to the Geneva Convention, am I to understand that we will, what the Latins say *festina lente*, make haste slowly in this matter, because according to the newspaper reports there have

been people who have been sentenced to death both in the Bornean States and in Malaya and, as such, if those sentences are carried out, then I do not know whether it will conflict with this consideration by the Government, that the state of armed conflict is still under consideration. Can we have an assurance from the Government that pending clarification on this matter, the execution will be stayed?

The Prime Minister: Well, that is why it has been very difficult for me to be forthright on this matter. There is only one case that is on appeal. But the Cabinet is having the matter in hand and we hope that in a short time we will be able to clarify the position in respect of those Indonesians who are captured by us. But there are also the others who are guilty of acts of treason punishable with death and there are quite a number of those people who are Malaysians and these people do not come within the meaning of prisoners of war. In their case, there can be no question about what the penalty will be and I do not think there will be any stay of execution if they are found guilty of treason, guilty under the law which is in force in this country under this present state of Emergency. That much I can explain to the Honourable Member, but I could do no more. My position here is to explain as best as I could to the Honourable Members of this House who brought the subject of Indonesian prisoners of war in this House. All I can do is to explain in this way: that this is a matter which is under consideration and we will make sure that the person concerned will not suffer as a result of the time we have to take to consider their position.

The other Honourable Member also suggested that we are using the wealth of this country for nothing, he asked for whose purpose is this war being fought? In reply to him, I would say that the wealth of this country is going to be used to good purpose. As I said just now, it is not only spent to defend our right and our freedom, but to defend the right of other small nations who are similarly placed as ourselves. Whatever resources we devote for this

purpose are I consider money well spent. Posterity probably will remember what we do now as a glorious feat of valour accomplished by this young nation, Malaysia. There was a question raised in this House asking whether Malaysia was formed for anybody's prestige. I say, "No". It is not formed for anybody's prestige, or through anybody's stupidity—it was said that we who worked towards the formation of Malaysia are all stupid people. There were so many people involved, and I dare say that they are not all stupid. It was formed for a purpose, and the purpose is to free these people in the Borneo territories and in Singapore from the yoke of imperialism. Therefore, I say that he does not have to worry about it as he does not intend to do the fighting; there are many who will fight and who will give their all to safeguard Malaysia from the Indonesians.

It was also suggested by an Honourable Member in this House that we should make a counter attack on Indonesia, but I still maintain that a good defence is the best means of attack, and what we are doing has served our purpose; unless circumstances demand, I do not think we will do anything more than what we are doing today.

Another Honourable Member suggested that we should follow completely the so-called non-aligned politics or, to be more correct, we should follow the trend of some countries in Asia and Africa, to toe the Eastern or pro-Communist line. The line that we take is what I thought to be the best for the people in this country—that is to provide them with food, with clothing and with happiness. I know, and I think some of the Honourable Members are aware that some of the countries who follow blindly the Communist bloc have not fared very well, and I think we would rather live in this country than in the many countries that are on the other side. In some cases it may suit them to follow the Communist bloc but I am sure it won't suit us, because one thing I learnt in my meeting with Chin Peng, the Communist leader, is "Once a

Communist, always a Communist"—and the Communists will not tolerate any people who are opposed to their line of thought or to their ideology: they will never co-exist with these countries. Therefore, we know that if we work with the Communists, or we try to co-exist with the Communists, before we know where we are we will find that we will be completely swallowed up.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification. Do I understand the Prime Minister correctly, when he stated he had formed the opinion, "Once a Communist, always a Communist"? If that is so, Mr Speaker, Sir, is he aware that there are in this House itself people who have been former Communists? If so, what action does he propose to take against these people?

The Prime Minister: Well, in that case, he is not a Communist (*Laughter*), because at one time he thought he was—now he is not a real Communist (*Laughter*). With Chin Peng, to tell you the honest truth, he is a man from whom, I felt, I had received one of the lessons that will always be a treasure to me. I was so indebted to him that when I left him I had requested the then Government that whatever happens Chin Peng must not be executed if he is captured, but that he should be allowed to go where he wants to, because I felt that he had given me that lesson and he was the one honest Communist whom I met. (*Laughter*).

Now, the other question that was brought up was about the setting up of consular offices in this country. There has been a little bit of misunderstanding and confusion, I think, in the minds of Members in the fact that, as the Taiwan Government has set up a consular office here, we have recognised Taiwan. In fact, we have not. This is only a commercial representative of that country. Whatever it is, we all know that there has been a great deal of commercial activities between Taiwan and ourselves, and they had requested whether they could set up a commercial representative here. A commercial representative is a consular

officer, who is no more than a businessman representing his country here—and it does not mean that we should recognise Formosa just because he is here to facilitate the granting of visas and various other things for those who wish to visit Formosa. According to reports from various people who have visited Formosa, it is a very nice country. (*Laughter*). It has got many, many attractions (*Laughter*), and those who have gone there once have always indicated their desire to go there a hundred more times. (*Laughter*). And so what I could do for the benefit of these people, for the benefit of the businessmen, I had done i.e. permit the setting up of a consular official here—and I hope the Members from the Opposite Bench will also take advantage of this to visit Formosa: I am sure they will enjoy themselves. (*Laughter*). Because we have permitted a consular official from Formosa to be here, it has been suggested that we should also set up a Communist China mission here. That is a different matter. That is not a subject which I would like to entertain, because there are so much implications. As I said just now, the warning, the advice, that was given me by Chin Peng will always remain with me, and we know that any country whose ideology runs contrary to that of the Communists can never be tolerated or accepted by them.

Now, on the question of Communist China's admission into the United Nations, I had mentioned some years back that we would support Communist China's admission into the United Nations, but the price which they asked was a little bit too great. They had asked for the expulsion of Formosa from the United Nations. We could not accept that as a condition for their admission into the United Nations because it would be wrong to sacrifice the lives of 12 million people who now live in Formosa.

Sir, that is about all that I need mention in this House. There are many matters that had been brought up and some of them have not been handed in to me, but whatever I have left out I will try and reply to them through one of my colleagues, who has yet to reply

to the various observations made in this House. (*Applause*).

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat, persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4.30 petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS (Motion)

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That the proceedings of the Supply Bill, 1965, this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 and that the House shall not adjourn until after completion of the aforesaid proceedings.

Enche' Tan Siew Sin: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings of the Supply Bill, 1965, this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 and that the House shall not adjourn until after completion of the aforesaid proceedings.

THE SUPPLY BILL, 1965

Second Reading

Debate resumed.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab beberapa perkara berkaitan dengan pertahanan, dan berkenaan dengan pembangunan negara dan luar bandar Yang Berhormat Menteri Muda akan menjawab-nya.

Sir, I would like, first, to reply to the Honourable Member for Batu. Unfortunately, the Honourable Member is not present in this House. The Honourable Member said that as we had to shoulder a considerable burden of defence of the country we should ask Britain, Australia, New Zealand and the United States to give better contribution for our defence. Well, Sir, we are now facing the threat to our security, our independence, and we feel that it is necessary for us to expand our Armed Forces so that we will be able

to defend ourselves adequately. The view of the Government is not for us to depend on others to defend ourselves. We must show that we have made all efforts to defend our country ourselves before we can expect others to help us. In any case, Sir, United Kingdom, Australia and New Zealand have assisted us and they have their troops here fighting in defence of our country and have also assisted us in equipment and also in the expansion of our Armed Forces. I am, however, very surprised to hear the suggestion from the Honourable Member for Batu that we should endeavour to get other countries to assist us in the defence of our country, because the Honourable Member and his colleagues have always been against the Defence Treaty we have with the United Kingdom subscribed by Australia and New Zealand. However, Sir, it is heartening to know that the Honourable Member has considerably improved his attitude since he has sat in this House and listened to the views from this side of the House.

Next, Sir, I would like to reply to the Honourable Member from Singapore, the Barisan Sosialis. The Honourable Member stated that the Malaysian Government had to go begging to the United States and Britain for protection, and that these nations were offering aid to Malaysia for their own interest and that by so doing this we will be turning this country into a battlefield. Well, Sir, this country is already a battlefield now, and we have to defend ourselves, and because there is aggression against us by a bigger and stronger nation we have a right to ask other nations to help us and the help we have obtained from friendly countries have been given without any conditions, and the help given will not affect our sovereignty or our independence. We have so far received aid from the United Kingdom, Australia, New Zealand and Canada and all this help has been without any conditions.

Now, Sir, I would like to add to the statement made by the Honourable Prime Minister this morning on the subject of our relationship with the

Middle-East and African States. As Honourable Members know, I have just come back from a visit to four important States of Africa, namely, the United Arab Republic, Morocco, Algeria and Tunisia. As the Honourable Prime Minister had explained, the Government had always endeavoured to maintain close and friendly relations with those countries in the Middle-East and in Africa. During the visit that I have had, I was extremely pleased with the manner in which I was welcomed in all the four States. The leaders of these countries gave me a sincere and warm welcome. I had the opportunity of meeting the Heads of States of these four countries and to explain to them the real facts about the situation in South-East Asia, the real facts about confrontation and aggression by Indonesia against us. The leaders of these countries showed understanding and anxiety, and they also expressed the wish that the present trouble would be settled peacefully. I have explained to them that we on our part are always ready and willing to find a peaceful settlement to this trouble. But what we cannot tolerate is the use of force by Indonesia against us—we cannot tolerate this sort of aggression against our territory. Whatever differences this country might have with another country, no country is justified to use force against another country. Indeed if force is tolerated, then no country can be safe nor would it be possible to maintain peace in this world. From the discussions I have had with the leaders of these countries, it is clear to me that the newly emerging African countries have understood our position and have understood our point of view. I am very grateful to the Governments of these four countries in the way they had received my delegation and for the welcome and hospitality that was extended to us. The three countries Morocco, Algeria and Tunisia have agreed to accept diplomatic relation from Malaysia. They have also stated that they would like to maintain close and friendly relations with us in the future.

Now, as the Honourable Prime Minister has stated, it is the intention

of our Government to maintain contact with these countries and to send missions to visit other countries in Africa. I had intended myself to visit other countries, but in view of the Budget meeting I had to get back to Kuala Lumpur. So it had not been possible for me to do so on this occasion.

We are also, as the Prime Minister has stated, considering establishing more Missions in Africa. Now, all these four countries I have visited, stated that they clearly understood that Malaysia is an independent and sovereign Asian nation. This completely belies Indonesian propaganda that we are a neo-colonialist country. I also made clear our position regarding the Afro-Asian Conference. It is generally agreed that the Afro-Asian Conference is geographical and not political and, therefore, any independent sovereign nation at the Afro-Asian region has a right to attend. This view, I feel, is now well understood in most countries in Africa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Ahli Yang Berhormat itu ada berkata bahawa mustahak-lah kita mempunyai belanja sendiri dalam hal pertahanan negara kita. Dasar Kerajaan kita berkenaan dengan mempertahankan ia-lah kita bertanggung-jawab di-atas pertahanan negara kita. Tetapi kita ini negeri kecil, dan kalau kita hendak mempunyai tentera yang cukup untuk pertahanan dari serangan luar tentu-lah akan memakan belanja yang banyak dan kita sudah tentu tidak mampu hendak mengadakan belanja. Belanja kita kehendaki bukan sahaja untuk membeli senjata, membeli pakain², membeli kapal² dan kapal² terbang, belanja di-kehendaki kerana membayar gaji² dan allowance². Wang kerana membayar gaji ini-lah kita tidak dapat pinjam dari luar atau dapat bantuan dari luar. Akan tetapi sungguh pun begitu kita sedang mengambil langkah membesar dan meluaskan tentera² kita supaya kita dapat mengambil bahagian yang lebih luas lagi dalam pertahanan negara kita. Sungguh pun seperti saya katakan tadi, kita bertanggung-jawab penuh dalam

lapangan pertahanan tetapi kita sudah di-serang oleh negeri—sa-buah negeri luar; oleh itu terpaksa-lah kita minta bantuan daripada rakan² kita yang telah bersetuju hendak memberi bantuan. Ini biasa di-perbuat dan menjadi hak satu negeri di-serang seperti kita ini mendapat bantuan daripada mana² juga negeri yang suka hendak memberi bantuan untuk mempertahankan kemerdekaan dan kehormatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ketinggalan menjawab-nya pada pagi tadi, ia-itu pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan yang mengatakan Perjawatan Malaysia, atau F.E.O., itu sangat memegang kuat kepada General Orders sa-hingga merosakkan kedudukan pegawai². Jadi, saya suka hendak terangkan bahawa menjadi tanggung-jawab kepada pegawai² Kerajaan menjalankan Undang² General Orders dan biasa-nya didalam General Orders kita tidak adalah discretion yang di-berikan kepada pegawai². Jadi, kalau kita dapati General Orders kita itu ketat mustahak-lah kita pinda, betulkan dan longgarkan. Jadi kita tidak boleh-lah bila adakan Undang² kita benarkan pegawai² menggunakan discretion, kalau di-longgarkan Undang² itu tentu-lah nanti mengechiwakan perjalanan pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi akhirnya, saya suka hendak menerangkan sedikit berkenaan dengan dasar Kerajaan hendak membaiki iktisad orang² Melayu dan juga ahli² bumiputera di-seluruh Malaysia ini. Seperti yang telah di-terangkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, Kerajaan mengadakan satu Secretariat di-Kementerian Perdagangan dan Perusahaan untuk mengawal hal ini dan ada di-tubuhkan satu Jawatan-kuasa Jema'ah Menteri yang Pengerusi-nya saya sendiri untuk menimbangkan dasar² yang patut bagi melaksanakan perkara ini. Saya suka menegaskan disini bahawa Kerajaan ada-lah mengambil berat di-atas perkara ini dan Kerajaan memikirkan ini-lah satu perkara yang penting, yang mustahak bahkan

ranchangan kemajuan Kerajaan akan berhasil dengan sa-penoh²-nya melainkan Kerajaan perchaya membaiki iktisad orang² Melayu dan juga anak² bumiputera yang dudok di-kampung² di-seluruh negara kita. Saya sukachita mendengarkan buah² fikiran yang di-datangkan oleh beberapa Ahli² Yang Berhormat di-atas perkara ini. Sungguh pun pada masa ini ada satu Secretariat dan juga ada satu Jawatan-kuasa Jema'ah Menteri yang menentukan dasar di-atas hal ini dan menyatukan langkah² yang di-ambil oleh Kementerian² dan Pejabat² Kerajaan, tetapi Kerajaan sedang menimbangkan satu chara yang lebeh tegas lagi untuk melaksanakan dasar ini. Saya telah berunding dengan rakan saya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan dan telah bersetuju bahawa patut-lah pelaksanaan di-atas perkara menolong orang² Melayu bumiputera membaiki iktisad itu di-selenggarakan oleh satu badan yang besendirian supaya langkah² perjalanan dengan lebeh tegas dan perasaan dapat mendatangkan hasil dengan sa-penoh²-nya (*Tepok*).

Saperti Ahli² Yang Berhormat mengetahui sekarang ada beberapa lembaga² yang bertanggung-jawab menjalankan ranchangan² kemajuan untuk ra'ayat saperti Lembaga Kemajuan Tanah yang bertanggung-jawab membuka tanah baharu dan saya berchadang hendak menubuhkan satu lembaga lagi Lembaga Pembinaan Tanah atau Land Rehabilitation Authority yang akan bertanggung-jawab menolong menjayakan tanah ra'ayat bukan sahaja tanah² baharu bahkan tanah² yang lama juga yang sedang di-punyai ra'ayat pada masa sekarang ini. Bagitu juga rakan saya Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama sedang meranchangkan hendak menuboh satu Lembaga Pasaran yang akan bertanggung-jawab menolong ra'ayat dan juga pemodal² kecil untuk mendapatkan pasaran yang lebeh sempurna dengan barang² keluaran mereka itu. Dengan ada-nya lembaga² ini bermahana-lah RIDA atau pun Lembaga Kemajuan dan Perusahaan yang dahulu mempunyai berbagai² tanggong-jawab

dapat di-beri tugas yang baharu, ia itu tugas untuk menjalankan perusahaan² kecil, memberi latehan kapada orang yang hendak mengambil bahagian dalam perniagaan dan perusahaan dan memberi pinjaman untuk menjayakan perusahaan² mereka itu.

Saya harap dapat di-kemaskan kedudukan RIDA ini dan di-beri tugas yang baharu dan di-beri rupa dan nama yang baharu kapada RIDA ini, supaya dapat Lembaga ini menumpukan usaha dan tenaga bagi menolong orang² Melayu dan anak bumiputera untuk membaiki iktisad mereka itu (*Tepok*). Tidak dapat tiada pada fikiran Kerajaan satu ranchangan mustahak-lah di-adakan—ranchangan jangka pendek dan ranchangan jangka panjang supaya pelaksanaan dapat di-jalankan dengan lichin dan sempurna dari satu masa ka-satu masa. Perkara ini saperti kata Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ada-lah satu perkara sukar hendak menchapai penghasilan-nya dengan memuaskan hati. Tetapi saya yakin dan perchaya jikalau perkara ini dapat di-ator dengan sempurna dan ada satu badan yang tertentu yang akan bertanggung-jawab di-atas hal ini dan ra'ayat yang berkaitan di-beri latehan, layanan dan pertolongan yang sa-patut-nya saya yakin dan perchaya kita akan mendapat kehasilan dalam lapangan iktisad anak negeri ini. Oleh itu saya berharap dan saya berseru supaya Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini dan juga orang² Melayu, ahli² bumiputera dan juga orang² lain yang ada mempunyai buah fikiran dan pandangan dalam hal ini dapat memberi kerjasama dengan Kerajaan supaya bukan sahaja dapat di-adakan satu ranchangan yang tetap bahkan dapat di-adakan pelaksanaan yang terator dari satu masa ka-satu masa. Ini-lah dia-nya chadangan Kerajaan dalam lapangan ini dan saya harap chadangan ini dapat pandangan dan sokongan yang sempurna oleh seluruh ra'ayat negeri ini terutama orang² Melayu dan juga ahli² bumiputera di-Malaysia ini. Terima kaseh. (*Tepok*).

The Minister of Health (Enche' Bahaman bin Samsudin): Tuan Yang

di-Pertua, saya suka memberi penerangan terhadap beberapa soalan² dan permintaan² yang di-hadapkan pada Kementerian saya. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih pada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberikan beberapa shor² yang membena terhadap Kementerian saya. Shor² mereka itu telah di-ambil perhatian untuk di-timbangkan. Mana yang dapat saya jawab pada masa ini saya akan jawab.

Ahli Yang Berhormat daripada Johore Bharu Timor telah menyatakan bahawa ramai bilangan Merinyu Kesihatan telah meletakkan jawatannya oleh kerana tidak puas hati dengan tangga gaji sekarang ini dan beliau menyatakan bahawa memandang kepada tugas² mereka yang penting, perkara ini sangat²-lah mendukachitakan.

Saya suka menyatakan bahawa pindaan tangga gaji Merinyu Kesihatan telah di-tambah oleh Kerajaan, dan pada masa ini satu tangga gaji baharu yang lebih elok telah di-tawarkan oleh Kerajaan. Kementerian saya juga ada-lah mempertimbangkan chara² memperelokkan lagi sharat² perkhidmatan Merinyu Kesihatan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menarek perhatian berkenaan dengan kekurangan doktor di-pusat² kesihatan, terutama sa-kali doktor gigi. Beliau menyatakan sa-kali pun banyak anak² negeri mempunyai kelayakan, tetapi oleh kerana tangga gaji yang tidak memuaskan, mereka enggan berkhidmat dengan kerajaan. Saya suka menyatakan bahawa kita semua ma'alum, tangga gaji doktor² perubatan dan juga doktor² gigi telah di-pinda dan diperbaiki baharu² ini ia-lah bertujuan supaya doktor² anak negeri tidak ragu² memberi perkhidmatan-nya kepada negara. Tambahan pula doktor² pada masa ini sangat kekurangan. Tuan² lebih ma'alum tentang pendapatan doktor private berlipat kali ganda daripada pendapatan menjadi doktor Kerajaan. Kementerian saya juga adalah sentiasa berikhtiar menambah bilangan doktor², sama ada dari dalam negeri atau daripada luar negeri untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Jitra telah menyatakan bahawa ia telah memberitahu tentang kenaikan gaji baharu ada-lah sa-mata² bagi pegawai perubatan dan doktor gigi yang berjawatan tetap, manakala pegawai² perubatan sa-chara kontrek dan sementara, tidak dapat kenaikan gaji. Berkenaan dengan perkara ini, Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri, telah memberi jawapan tadi.

Saya suka menambah bahawa urusan ini ada-lah sedang di-jalankan meminda surat² perjanjian kontrek mereka itu supaya membolehkan pembayaran dahulu tangga gaji baharu ini. Nyata-lah salah faham timbul, oleh kerana urusan tersebut mengambil masa sedikit.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah meminta pegawai perubatan Kementerian Kesihatan di-tukarkan dengan pegawai gigi, ini di-lakukan dan mereka berasa tidak puas hati, tetapi mereka di-tukarkan ka-tempat² yang terpenchil. Beliau menambah kata sa-kira-nya mereka juga menchuaikan tugas mereka itu, hendaklah tindakan di-ambil oleh kerana sangat² mustahak mereka itu berkhidmat dengan penoh ta'at setia supaya perkhidmatan mereka terjamin.

Suka saya mengesahkan memang-lah jadi dasar Kementerian saya menukarkan pegawai² dengan chara bergilir² supaya seberapa boleh peluang yang di-beri sama kepada mereka itu berkhidmat di-bandar² dan juga di-tempat² yang terpenchil, sa-kali pun begitu, di-sebabkan oleh beberapa sebab termasuklah keadaan kekurangan doktor yang di-hadapi pada masa sekarang ini. Dasar ini tidak-lah dapat di-jalankan dengan sapenoh-nya. Sa-lain daripada menitek beratkan mustahak-nya bagi mereka itu memberi perkhidmatan dengan penoh tanggung jawab dan tertib, Kementerian saya memang sedia mengambil tindakan yang tegas kepada mereka² yang nyata menchuaikan kewajipan-nya.

Ahli yang Berhormat dari Muar Utara telah berucap berkenaan Majlis Penasihat Kebangsaan dalam

